

# Kes WTC: NGO minta bantuan Dr. Mahathir

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 12 Jun - Sebuah pertubuhan dari Amerika Syarikat (AS) meminta bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad membantu mereka mendapatkan sokongan masyarakat antarabangsa terhadap kempen membuka semula siasatan ke atas kejadian serangan 11 September 2001.

Pertubuhan dikenali sebagai ReOpen911 itu menyatakan perkara tersebut kepada Dr. Mahathir dalam pertemuan antara pengasas pertubuhan itu, Jimmy Walter, mangsa kejadian di World Trade Center (WTC), New York, William Rodriguez serta wartawan dan bekas tahanan perang Taliban, Yvonne Ridley dengan beliau di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, hari ini.

Bercakap pada sidang akhbar selepas pertemuan itu, Walter berkata, Dr. Mahathir menyatakan bahawa beliau akan menimbangkan permintaan tersebut.

Menurut Walter, matlamat ReOpen911 ([www.reopen911.org](http://www.reopen911.org)) ditubuhkan adalah bertujuan memberi kesedaran selain memperjelaskan mengenai konspirasi yang dilakukan Presiden AS, George W. Bush yang mengaitkan orang Islam dengan kejadian serangan berkenaan.

Kata beliau, semua penipuan dan manipulasi yang dilakukan oleh Bush perlu dibongkarkan kerana 'orang' itu adalah seseorang yang berbahaya.

"Itulah orang (Bush) yang sama menyatakan bahawa Saddam Hussein mempunyai kaitan dengan 9/11, dia juga menyatakan Saddam Hussein memiliki senjata pemusnah dan mencipta propaganda bahawa Iran memiliki senjata nuklear menyebabkan lebih 65 peratus daripada rakyat AS dipercayai bahawa Iran adalah ancaman besar kepada mereka," katanya.

Walter berkata, dalam usaha menjayakan kempen ReOpen911, beliau telah menawarkan hadiah RM3.8 juta (AS\$1 juta) kepada orang ramai yang berani menyatakan bahawa kejadian itu bukan satu konspirasi, namun malangnya jurutera dan arkitek yang bekerja dengan kerajaan AS tidak berani menyahut cabaran itu.

Selain Malaysia, katanya, pertubuhan itu akan ke Jepun, Indonesia, Chile, Brazil, Afrika Selatan dan Los Angeles untuk memper-

**Saya tidak akan melupakan letupan pertama di bahagian bawah tanah WTC yang sangat kuat dan panas, letupan itu berlaku dalam tempoh beberapa saat sebelum sebuah kapal terbang melanggar WTC**

WILLIAM RODRIGUEZ  
Antara pengasas ReOpen911



**DR. MAHATHIR** Mohamad menerima kunjungan William Rodriguez yang terselamat dalam kejadian serangan 11 September 2001 WTC di New York, di pejabatnya di Putrajaya semalam.

juangkan matlamat mendapatkan sokongan antarabangsa untuk kempen tersebut.

Sementara itu, salah seorang mangsa yang terselamat dalam kejadian berkenaan, Rodriguez ketika mengulas mengenai kempen membuka semula siasatan itu berkata biarpun selama ini beliau diangkat sebagai hero kerana berjaya menyelamatkan mangsa lain, namun ia tidak bererti apabila fakta sebenar dilindungi.

Rodriguez berasal dari Puerto Rico dan bekerja di bahagian penyenggaraan WTC sejak 20 tahun lalu memberitahu, apa yang berlaku selama ini telah diputar belit oleh media utama AS malah kenyataannya mengenai kebenaran langsung tidak disiarkan.

"Saya berada di tempat kejadian dan saya tidak akan melupakan letupan pertama di

bahagian bawah tanah WTC yang sangat kuat dan panas. Letupan itu berlaku dalam tempoh beberapa saat sebelum sebuah kapal terbang melanggar WTC.

"Namun kebenaran mengenai letupan di bahagian bawah tanah itu langsung tidak dibangkitkan malah fakta yang meragui mengenai kejadian itu tidak dihuraikan. Saya tahu ada sesuatu yang tidak kena dalam kejadian itu kerana testimoni saya diambil dalam keadaan tertutup," katanya.

Dalam kejadian itu, Rodriguez telah menyelamatkan 15 orang dan merupakan satu-satunya orang di bangunan berkenaan yang mempunyai kunci utama ke bahagian tangga North Tower WTC dan telah membantu pasukan bomba untuk menuju ke tangga serta membuka pintu ketika kejadian itu.